



BULETIN PESARA

Suara Persatuan Pesara Universiti Kebangsaan Malaysia

Bil. 12 (2), Dis., 2022

No. Pendaftaran PPM 017-10-22092010

MINDA Pengerusi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Semoga sentiasa diberikan kesihatan yang baik kepada kita semua.

Alhamdulillah kita amat bersyukur kepada Allah SWT, kerana pada tahun 2022 ini, wabak Covid 19, yang menyerang negara kita telah semakin berkurangan, dan negara Malaysia, yang meletakkan tanggungjawab menguruskan pandemik ini kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, telah melonggarkan pergerakan penduduk negara ini. Sektor ekonomi dan perdagangan, persekolahan, pergerakan sosial, telah memulakan aktivitinya berjalan seperti biasa. Namun begitu beberapa langkah pencegahan seperti memakai pelitup muka, dan menjaga kebersihan masih digalakkan pemakaian dan penggunaannya. Oleh yang demikian kita mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan Malaysia terutama petugas barisan hadapan, para doktor, jururawat, para petugas hospital yang lain di seluruh negara yang telah bertugas bertungkus lumus tanpa mengira tenaga dan waktu. Semoga Allah swt membalas pengorbanan yang telah dilaksanakan.

Kelonggaran yang diberikan, Alhamdulillah kita dapat mengadakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan terutama kegiatan-kegiatan oleh PAWE, seperti ceramah untuk warga tua, Jalan Seribu Langkah di Tasik Cempaka Bandar Baru Bangi, Ziarah Kasih ke atas para pesara yang uzur dan sebagainya.

Pada 31 Mac 2022 yang lalu kita telah dapat mengadakan Mesyuarat Agung Persatuan yang ke 9. AGM ini adalah AGM yang tertangguh (oleh sebab pandemik) yang mana sepatutnya di adakan pada Mac tahun 2021. Hasil mesyuarat tersebut sebahagian besar AJK Sesi 2019/2021 yang lalu telah diberikan kepercayaan sekali lagi untuk meneruskan tugas bagi sesi 2021/2023. Dalam pemilihan AJK kali ini terdapat empat orang AJK baru yang dipilih iaitu Prof. Dato' Dr. Ibrahim Jantan (HCTM), Dato' Harun Bintang (HCTM), Dr. Amran Majid (FST), Dr. Kaswandi Md Ambia (FSKB). Sementara En. Rahman Madon dilantik sebagai Juru Audit. Ucapan terima kasih juga kepada beberapa orang AJK terdahulu yang memohon untuk mengundurkan diri iaitu Tuan Haji Sabardin Ahmad, Tn. Hj. Ir. Ishak Arshad, Tuan Haji Sayuti Sahlan, Tuan Haji Mohammad Othman.

Saya juga mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Pengarah Hospital Canselor Tengku Mukhriz, YBhg. Dato' Dr. Razman Jarmin yang sudi menerima rombongan

AJK Persatuan Pesara UKM pada 1 Ogos 2022 di HCTM. Beberapa usul telah dibincangkan bersama bagi meningkatkan kemudahan yang boleh diberikan kepada para pesara UKM apabila berurusan dengan HCTM.

Di kesempatan ini, saya juga mengalu-alukan kepada ahli Persatuan yang berminat dalam bidang penulisan. Terutamanya tentang perjalanan UKM semenjak penubuhannya bertempat di Lembah Pantai pada tahun 1970 hingga hari persaraan anda. Mungkin ada episod yang menarik dan pengalaman semasa bertugas di UKM, sebagai tenaga pengajar dan kaki tangan am. Sudah tentu ada nostalgia yang tidak dapat anda lupakan dan ingin dikongsi bersama dan diabadikan. Makalah daripada penulisan tersebut akan dikumpulkan dan diterbitkan sebagai sebuah buku esei kumpulan yang menarik dan menjadikannya sebuah catatan sejarah ketika berkhidmat di UKM.

Alhamdulillah, Pilihanraya Umum ke 15 telah selesai dan Perdana Menteri 10 telah pun mengangkat sumpah di hadapan DYMM Yang Di Pertuan Agong. Tahniah kepada YAB DS Anwar Ibrahim di atas pelantikan tersebut.

Tidak lama lagi kita akan berada diambang tahun 2023 dan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Menyambut tahun 2023 semoga Persatuan Pesara, Universiti Kebangsaan Malaysia akan terus kekal teguh, bersatu padu dalam menempuh hari-hari berikut dengan jayanya.

Terima kasih saudara-saudari semua semoga diberi Allah kesihatan yang baik. Wassalam.

BIRO KEBAJIKAN

1. Berpulangnyanya kerahmatullah Hj. Baharudin Alang Ishak, mantan Pendaftar UKM dan juga mantan Pengerusi Persatuan Pesara UKM yang pertama (PP0001) pada 20 Jun 2022. Solat jenazah telah disempurnakan di Surau An-Nur Bandar Baru Bangi.
2. PAWE dan Persatuan Pesara UKM juga telah mengadakan beberapa aktiviti kunjungan Ziarah Kasih. Selain ziarah bertanya khabar, wang sagu hati juga telah disampaikan, antaranya:
 - i. Menziarahi En. Bakri Din, mantan kakitangan Kimia, FST di Bandar Baru Salak Tinggi, Selangor pada 24.10.2022. Lawatan ini diketuai oleh Dato' Dr. Abd. Wahid Samsuddin, Pengerusi PAWE, UKM.
 - ii. Menziarahi En. Ghazally iaitu suami Pn. Shahida, Setiausaha PAWE pada 25.10.2022 di Sungai Merab.
 - iii. Menziarahi Sdr. Abd. Raai Osman pada 13 Disember 2022.
3. Pada 23 November beberapa ahli Persatuan yang diketuai oleh Dr. Abdul Hamid Othman juga telah mengambil inisiatif menziarahi Tn. Hj. Saleh Yusof, Timbalan Pendaftar Hal Ehwal Pelajar.



Ziarah kasih Sdr. Bakri Din, mantan kakitangan Kimia, FST



Ziarah Kasih Sdr. Ghazali suami kepada pn.Shaida Setiausaha PAWE 25hb Oktober 2022



Ziarah kasih Sdr. Abd. Raai Osman

BIRO RIADAH DAN LAWATAN

Beberapa perancangan lawatan telah tidak dapat dilaksanakan sama ada keadaan tidak mengizinkan dan kurang sambutan. Namun begitu beberapa aktiviti masih cuba diaturkan antaranya:

- Golf Amal dijangka akan diadakan pada 16 Febuari 2023. Pengurusannya sedang berjalan.
- Lawatan ke Chiangmai

Dan beberapa aktiviti lain yang akan menyusul dan masa ke masa.



PERSAHABATAN MELALUI PERMAINAN GOLF

GOLF AMAL

PERSATUAN PESARA UKM 2023

16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)
7.00 PAGI
KELAB GOLF DANAU UKM , BANGI

BAYARAN PENYERTAAN
RM200.00
Termasuk Sarapan Pagi dan Makan Tengah Hari

MAKLUMAT LANJUT

Prof. Emeritus Dato' Dr. Laily bin Din (012-3223024)
Dr. Misran bin Rokimin (013-3542787)

**KUNJUNGAN HORMAT
PRO NAIB CANSOLOR DAN PENGARAH HCTM DENGAN
AJK PERSATUAN PESARA UKM
1 Ogos 2022 di HCTM**



**PERBINCANGAN AHLI JAWATANKUASA PERSATUAN PESARA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA BERSAMA PRO NAIB CANSOLOR,
KAMPUS KUALA LUMPUR DAN PENGARAH HOSPITAL CANSOLOR TUANKU MUHRIZ**

Perbincangan telah berlangsung pada 1 Ogos 2022, 9.00-10.45 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat, Kompleks Pendidikan Perubatan, HCTM.

Yang hadir:

Delegasi drpd HCTM

Prof. Madya Dr. Jamari Sapuan
Timbalan Pengarah (Perkhidmatan Surgeri)

Prof. Dato' Dr. Razman Jamin
Pengarah HCTM

En. Zakaria Amnan
Penolong Pendaftar
Pejabat Pro Naib Canselor Kampus Kuala Lumpur

Puan Nurul Fasya Mohamed Noor
Penolong Pegawai Tadbir Kanan
Pejabat Pro Naib Canselor Kampus Kuala Lumpur

Delegasi drpd PERSATUAN PESARA UKM

Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Anuwar Ali
Dato' Dr. Mohd. Wahid Samsudin
Tuan Haji Abd. Talib Harun
Dato' Harun Bintang
Puan Rosenaini A. Saman
Prof. Emeritus Dato' Dr. Muhamad Yahaya
Dr. Misran Rokimin
Dr. Kaswandi Md Ambia
Pn. Kamariah Mohd. Yusof
Puan Salmah Kasmani
Dr. Mansor Jusoh
En. Abd. Rahman Madon

TUJUAN PERJUMPAAN

- Mengeratkan hubungan Persatuan dengan HCTM
- Memberi cadangan untuk memperbaiki lagi mutu perkhidmatan HCTM kepada ahli Persatuan

PERKEMBANGAN TERBAHARU HCTM

- Perkhidmatan operasi HCTM telah pulih sebanyak 60% sejajar dengan fasa peralihan endemik negara berkuat kuasa pada 1 April 2022
- HCTM dalam proses mendapatkan penarafan Malaysia *Society for Quality Health* (MSQH). Jumlah keseluruhan penarafan melibatkan 30 komponen. Pihak HCTM berjaya mendapat penarafan 4 bintang bagi 25 komponen dari 3 bintang bagi 5 komponen.
- Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani (HPKK) telah mula beroperasi dan perkhidmatan pediatrik di HCTM telah berpindah ke HPKK. Sebanyak 230 waran perjawatan HCTM telah dipindahkan kepada hospital tersebut.

- Jabatan Perubatan Kecemasan akan di naik taraf. Tempoh menaik taraf mengambil masa selama tiga sehingga 5 tahun melibatkan sebanyak RM50,000,000.00. Jabatan Perubatan Kecemasan akan beroperasi sementara di lokasi baru di dalam premis HCTM.
- Pembinaan UKM *Specialist Centre 2* akan dilaksanakan.
- HCTM mempunyai perancangan untuk menyediakan *waiting lounge* untuk pesakit dan kakitangan serta pesara (percuma)

1. Kemudahan Rawatan Perubatan

- HCTM akan melihat semula keperluan serta mekanisme baru dengan melakukan penambahbaikan bagi isu-isu dibangkitkan oleh delegasi pesara melibatkan Klinik Pesakit Luar HCTM. Pelaksanaan ini penting bagi menangani aduan berkaitan nombor giliran tidak mengikut turutan pada masa hadapan.
- Persatuan Pesara UKM membuat hebahan kepada ahli mereka berhubung polisi janji temu khususnya slot janji temu di HCTM. Mereka digalakkan hadir pada masa yang telah ditetapkan untuk mengelak daripada menunggu terlalu lama.
- Pengarah CTM akan membawa usul untuk pertimbangan ahli Mesyuarat Pengurusan HCTM berhubung Pesara UKM adalah setara seperti kakitangan UKM semasa menerima rawatan di Klinik Pesakit Luar dan Wad Warga HCTM.
- Pada masa yang sama, pesara memohon untuk meneruskan amalan meletakkan salinan kad pesara dalam buku rawatan.

2. Fail Pesakit

HCTM mengambil maklum:

- Sistem *Electronic Medical Record* akan dilaksanakan sepenuhnya di HCTM merupakan satu mekanisme bagi mengatasi isu kelewatan/kehilangan fail pesakit.
- Hasil kajian menunjukkan kadar kelewatan penerimaan fail pesakit adalah kurang daripada 1%.
- Terdapat aduan daripada delegasi pesara berhubung insiden kelewatan fail pesakit semasa mereka menerima rawatan di Klinik-klinik Pakar.
- Salah satu faktor penyumbang kepada isu kelewatan fail adalah pesakit menerima rawatan lebih dari Klinik Pakar
- Pelaksanaan sistem THIS pada masa hadapan dijangka mampu mengurangkan masalah berkaitan fail pesakit.
- Pegawai Perubatan menggunakan capaian menu *brief history* di Sistem CHETS sebagai rujukan untuk merawat pesakit (kes yang melibatkan kelewatan/kehilangan fail).

3. Borang Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 tahun 2009

Pengarah HCTM telah menetapkan tempoh masa menandatangani Borang Permohonan Kemudahan Perubatan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 tahun 2009 dalam masa empat puluh lapan jam daripada tarikh penerimaan borang tersebut.

4. Kad Pesara

Jabatan Sumber Manusia HCTM akan melihat semula berhubung penggunaan warna berbeza bagi kad pesara UKM dan HCTM.

5. Kemudahan Tempat Letak Kereta

- Sejar dengan fasa peralihan endemik pada 1 April 2022, laluan masuk di tempat letak kereta berhampiran Jabatan Pemulihan Perkhidmatan Perubatan telah dibuka kepada pelawat.
- Pihak Pengurusan HCTM akan menambah baik tanda arah masuk ke blok klinikal di tempat letak kereta laluan Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan.
- Mempertimbangkan cadangan untuk menyediakan kemudahan letak kereta kepada pesara sekurang-kurangnya yang berjawatan pengurusan tertinggi semasa menerima rawatan di HCTM
- Permohonan penggunaan *shuttle* milik Hospital Tuanku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani untuk pesakit HCTM akan dibincangkan oleh pengurusan HCTM bersama HPKK.

6. Borang Keahlian Persatuan Pesara UKM

Surat permohonan edaran secara rasmi Borang Keahlian POUKM kepada bakal pesara diajukan kepada pihak Pengurusan HCTM.

7. Etika Pemakaian Pelawat ke Premis Kerajaan

HCTM akan memaparkan notis Etika Berpakaian Orang Awam di premis HCTM.

8. Jamuan Sambutan HCTM ke 25 tahun

Jemputan menghadiri program tersebut akan diajukan kepada Persatuan Pesara UKM

9. Hal-hal Lain

Persatuan Pesara UKM memohon agar alumni Fakulti Perubatan untuk bergiat aktif dalam aktiviti pembangunan di Kompleks Komersial Alumni UKM.

PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE)

Enam bulan terakhir 2022, PAWE Pesara UKM bekerjasama dengan Pusat Psikologi, FSKK UKM dan Fakulti Kesihatan UKM, Kuala Lumpur menganjurkan beberapa aktiviti yang bukan sahaja untuk Pesara UKM tetapi juga untuk dikongsi bersama para pesara jabatan-jabatan lain yang tinggal di sekitar Bandar Baru Bangi. Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan antaranya:

1. Sambutan Hari Warga Emas yang diadakan di Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi pada 1 Oktober 2022. Aktiviti yang diadakan ialah acara ‘Walking’, iaitu para peserta berjalan mengelilingi Tasik Chempaka. Aktiviti “walking” ini merupakan kali kedua yang dianjurkan PAWE yang diadakan pada beberapa bulan yang lalu. Walau bagaimanapun pada acara “walking” pada kali ini acaranya adalah lebih meriah. Sebelum para peserta berjalan kaki diadakan senamrobik kira-kira 30 minit. Sarapan nasi bungkus, peserta diberikan baju T dan cabutan bertuah juga diadakan.
2. Sempena sambutan Hari Warga Emas, Hcare di bawah Fakulti Sains Kesihatan UKM, yang menyambut 10 tahun penubuhannya juga telah menganjurkan ceramah berkaitan penjagaan kesihatan untuk warga emas yang bertajuk “Daya Tahan & Sumbangan Warga Emas Wanita”. Acara ini diadakan pada 20 Oktober 2022 dari pukul 8.00am – 4.00pm bertempat di Fakulti Sains Kesihatan, UKM, Kuala Lumpur. Antara aktiviti yang diadakan sepanjang hari tersebut adalah Senaman Cegah Jatuh; Ted Talk; Demo Masakan; Saringan Kesihatan; kaunseling Diet dan Pertandingan Interaktif dan kuiz.
3. Pada 15 November 2022 diadakan Konvensyen Hari Warga Emas, Selangor. PAWE UKM telah menghantar 3 orang wakil yang diketuai oleh Dato’ Dr. Wahid Samsuddin, Tn. Haji Talib Harun dan En. Rus Pin.
4. Pada 27 November 2022 satu program Bersarapan Bersama Warga Emas telah diadakan di Masjid Al Umm. Tiga orang ahli panel yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Khadijah Alavi daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, Tn. Haji Hamdi bin Dato’ Haron, Yang DiPertua Persatuan Penduduk, Bandar, Baru Bangi dan Tuan Syed Muhammad Abdullah, Pengerusi, Persatuan Penduduk OKU Berdaya Hulu Langat. Seramai lebih kurang 200 orang telah hadir.
 - a. Antara objektif majlis ini ialah:
 - b. Menyemarakkan bulan sambutan Hari Warga Emas Peringkat bandar baru Bangi.
 - c. Memperkasakan warga emas ke arah penuaan sihat melalui sesi pemindahan dan perkongsian ilmu.
 - d. Menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan warga emas dan seisi keluarga.
 - e. Meningkatkan penglibatan warga emas dalam komuniti secara aktif dan mengeratkan hubungan inter/intra generasi.
 - f. Menyemarakkan keterlibatan warga emas dalam membantu orang kurang upaya (OKU) di peringkat Bandar Baru Bangi.

Sambutan Hari Warga Emas



1 Oktober 2022 di Taman Tasik Cempaka

TAHNAH



PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH PROF. EMIRATUS SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN UKM KE 50

Dato ChM Dr. Mazlin Mokhtar
 Dato' Ir Dr. Riza Atiq OK Rahmat
 Dato' Ir Dr. Mohd. Marzuki Mustafa
 Dato Dr. Syed Mohamed Aljunid Syed Junid
 Dr. Kamaruddin Mohd. Said
 Dr. Shahidan Radiman
 Dr. Abdul Aziz Jemain
 Dr. Ibrahim Abdullah
 Dr. Abu Hassan Shaari Md. Nor
 Dr. Jamal Othman

PENERBITAN



Pada 14.9.22, Prof. Emeritus Dato' Dr. Laily bin Din dan isteri dalam percutiannya di Australia sempat menziarahi Prof. Emeritus Datuk Dr. Noramly Muslim di rumahnya Australia Barat. Datuk Noramly dan isteri amat gembira menyambut kedatangan tetamu yang juga bekas pelajarnya. Pada kesempatan kunjung ziarah tersebut Dato' Laily dan Datuk Noramly telah bergambar sambil memegang buku berjudul, *Noramly Muslim: Bermulanya Era Baru Sains Orang Melayu*, yang merupakan himpunan tulisan bekas para pelajar, kakitangan UKM, rakan-rakan yang pernah berkhidmat bersamanya. Buku tersebut telah pun dijual dan wang jualan dimasukkan dalam tabung Hadiah Noramly. Wang yang terkumpul akan dianugerahkan sebanyak rm1000 kepada seorang pelajar yang cemerlang dalam bidang Kimia di Fakulti Sains dan Teknologi, UKM, pada setiap tahun. Begitulah jasa Datuk Noramly yang banyak menabur bakti dan budi kepada anak bangsa seperti kata pantun Melayu: Akar keladi melilit selasih/ Selasih tumbuh di hujung taman/ Kalungan budi junjungan kasih/ Mesra kenangan sepanjang zaman.

Pelawaan Menulis Artikel

Ahli dipelawa untuk menyumbang artikel, terutama peristiwa-peristiwa nostalgia yang mungkin ingin dikongsi terutama hal-hal sepanjang perkhidmatan anda, terutama sejak UKM ditubuhkan dan beroperasi bermula dari Lembah Pantai.

Persatuan berhasrat artikel-artikel ini akan dikumpulkan dan dicetak kemudian. Sertakan gambar-gambar yang berkaitan.

Artikel boleh disampaikan dalam bentuk word fail kepada Biro Penerbitan atau hubungi Dr. Misran Rokimin di talian 013 3542787.

MAKLUMAT-MAKLUMAT LAIN

Group wsp Persatuan Pesara. Sekadar makluman dan Perhatian kpd Ahli

Penggunaan utama kumpulan wsp Persatuan adalah tertumpu pada silaturahim, penyampaian maklumat hal-hal kebajikan, aktiviti dan lain-lain yang ada hubung kait dengannya.

Email group untuk ahli Persatuan Pesara

Mana-mana ahli yg menggunakan domain emailnya @ukm.edu.my mohon bagi email baru kpd *admin* kerana apabila bersara 3-6 bulan domain @ukm.edu.my itu tidak boleh digunakan lagi.

Kemudahan Rawatan Pesara UKM di HCTM

Bagi memudahkan dan memberikan kelebihan dalam proses menunggu dan mendapat rawatan di HCTM, disarankan semua Pesara UKM yang mempunyai KAD PESARA UKM melekatkan salinan kad pesara tersebut di buku janji temu mereka.

Sidang editor Buletin

Dr. Misran Rokimin
Puan Salmah Kasmani

AJK Penerbitan

Dr Misran Rokimin (Ketua)
Dato' Harun Bintang
Sdr. Abd. Raai bin Osman
Puan Salmah Kasmani